

20 JUL 1997

Abu-ratu

SELANGOR PANDANG SERIUS PANDANGAN BERHUBUNG TANGKAPAN PESERTA RATU

SHAH ALAM, 20 Julai (Bernama) -- Menteri Besar Selangor Datuk Abu Hassan Omar berkata kerajaan negeri memandang serius perhatian serta pandangan pelbagai pihak berhubung isu tangkapan tiga wanita Islam yang menjadi peserta ratu cantik.

Beliau berkata apa yang penting sekarang adalah maklumat berhubung larangan pembabitan wanita Islam dalam pertandingan ratu cantik di Selangor telah dapat disebar dan orang ramai faham mengenainya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tidak setuju dengan cara Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menangani isu penyertaan wanita Islam dalam pertandingan ratu cantik yang, menurutnya penangkapan dan pendakwaan akan meninggalkan kesan buruk kepada pihak yang terlibat.

"Insya Allah kita akan berjumpa dengan Perdana Menteri (untuk beri penjelasan)," katanya pada persidangan berita selepas merasmikan konvensyen Umno Selangor ke 9 di Hotel Radisson di sini hari ini.

"Ia merupakan satu perkara yang perlu diambil perhatian oleh berbagai-bagai pihak dan ia perlu diselaraskan di peringkat kebangsaan supaya tiada masalah yang akan timbul berhubung dengannya," katanya.

Sebelum ini kerajaan negeri telah menyatakan pendirian bahawa mereka akan membawa perkara berhubung larangan itu ke Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Peringkat Kebangsaan selepas mengkaji perlaksanaannya di negeri-negeri lain.

Mengenai konvensyen itu, Abu Hassan berkata resolusi daripada konvensyen itu adalah penting kerana kerajaan persekutuan dan negeri biasanya memandang serius pandangan mereka dalam pentadbiran.

Konvensyen yang dihadiri oleh kira-kira 2,000 peserta ini mewakili bahagian-bahagian Umno serta pertubuhan sukarela dan pertubuhan bukan kerajaan bagi mendapatkan pandangan serta wawasan penduduk Selangor secara keseluruhan.

Abu Hassan berkata konvensyen hari ini juga membincangkan "Tonggak 10" yang merupakan komitmen utama beliau dalam menerajui kerajaan negeri untuk membawa Selangor ke era negeri maju menjelang tahun 2005.

Antara perkara utama yang menjadi agenda "Tonggak 10" itu adalah sokongan penuh terhadap projek-projek utama kerajaan Persekutuan di negeri Selangor, pembangunan seimbang, meningkatkan kefahaman serta penghayatan Islam, meningkatkan latihan pekerja mahir dengan teknologi canggih dan menyusun semula kerajaan tempatan supaya dapat mempertingkatkan penjagaan alam sekitar.

Beliau juga akan berusaha mempertingkatkan usaha membanteras gejala sosial, menambahkan bilangan kelas menengah Melayu, meningkatkan pembinaan rumah-rumah kos rendah dan sederhana, menggalakkan pertumbuhan industri kecil dan sederhana dan memodenkan sektor perladangan dan pertanian. --

BERNAMA

AZH AHH